

Surat khabar: Metro Ahad (Setempat)
Hari/Tarikh: 17/1/2016
Muka surat: 9

Tajuk : Virus baru denggi dikenali DENV-5 dikesan

Virus baru denggi dikenali DENV-5 dikesan

DR Mohamad Kadim



Kuching: Penyelidik dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menemui potensi serotip baru virus denggi (DENV), subjenis baru penyakit itu.

Penemuan potensi virus kelima dikategorikan sebagai DENV-5 itu diumumkan Naib Canselor UNIMAS Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi ketika berkongsi mengenai kejayaan beberapa penyelidikan universiti itu.

Beliau berkata, pasukan penyelidik dari Institut Perubatan dan Kesihatan Komuniti (IHCM) UNIMAS percaya mereka menemui serotip kelima virus denggi.

"Sekiranya ia benar dan sah sebagai virus kelima, sekali gus memerlukan pendekatan baru dalam mengesan dan merawat pesakit denggi.

"Penemuan awal serotip ini diterbitkan dalam beberapa jurnal perubatan dan proses pengesahan ke atas penemuan ini masih diteruskan dan mengambil sedikit masa.

"Ia satu penemuan menarik dan sensitif kerana selepas pengesahan serotip kelima, ia memberi kesan kepada industri farmaseutikal dalam kaedah merawat denggi," katanya.

Maklumat yang diperoleh dari laman web Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), ada empat virus denggi iaitu DENV-1, -2, -3 dan -4 yang memberikan kesan berbeza dengan antibodi sel darah manusia.

Pengarah IHCM UNIMAS Prof Madya Dr David Perera mengesahkan kertas kerja mengenai penemuan itu dibentangkan ketika Persidangan Ketiga Denggi dan Demam Denggi Berdarah di Bangkok, Thailand pada 2013.

Beliau berkata, kertas kerja mengenai bukti awal penyelidikan makmal dibentangkan bersama rakan penyelidik, Pakar Virus dari Universiti Texas Cawangan Perubatan di Galveston, Nikos Vasilakis.

"Sejak pembentangan kertas kerja berkenaan, kami bersama rakan penyelidik menjalankan uji kaji menyeluruh dan lengkap bagi menyediakan lebih banyak bukti membezakan serotip ini dengan varian denggi sedia ada," katanya yang menjangka laporan teknikal mengenai penemuan itu siap dalam tempoh dua hingga tiga bulan lagi.

Dalam kertas kerja diterbitkan beberapa jurnal perubatan, serotip baru itu dikesan ketika pemeriksaan sampel darah diambil daripada petani berusia 30-an yang dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak (HUS) pada 2007 dan disahkan positif virus denggi.

Jangkitan pada petani itu pada mulanya diklasifikasikan sebagai kes biasa 'sylvatic' denggi disebabkan oleh DENV-4 yang diperoleh daripada monyet dan nyamuk aedes di kawasan hutan Asia Tenggara.

Sylvatic adalah istilah saintifik yang merujuk kepada penyakit yang menjangkiti haiwan liar.